

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/04/30 - 36

HASIL CARE LINE BEROPERASI PADA 01 & 02 MEI 2020 UNTUK MENJAWAB PERTANYAAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)

1. Geran Khas PRIHATIN (GKP) telah diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai satu inisiatif bagi membantu syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro dalam aliran tunai perniagaan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Geran Khas sebanyak RM3,000 disediakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS) kepada setiap syarikat PKS mikro yang layak dan dijangka akan memanfaatkan hampir 700,000 PKS mikro di seluruh negara.
2. Sistem permohonan GKP akan dibuka kepada orang awam pada 01 Mei 2020 mulai jam 9.00 pagi. Sehubungan itu Hasil Care Line (HCL) yang mengendalikan talian 03-8911 1000 atau 603-8911 1100 (luar negara) akan beroperasi seperti biasa pada 01 dan 02 Mei 2020 dari 9.00 pagi – 4.30 petang bagi menjawab sebarang pertanyaan berkaitan GKP.

3. Selain menghubungi HCL, orang ramai juga boleh mengajukan sebarang pertanyaan berkaitan GKP kepada LHDNM melalui:
- HASiL Live Chat;
 - Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan
 - Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>
4. Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkara di atas dengan melayari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pada pautan Soalan Lazim (FAQ) GKP di http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/FAQ_GKP_1.pdf.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 April 2020



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube